

Jokowi lebih popular ganti Susilo

Megawati turut intai peluang tanding jawatan presiden

Tahun 2014 adalah tahun yang getir dan penting kepada Indonesia kerana bakal mengadakan Pemilihan Umum (PEMILU) bagi peringkat legislatif (Parlimen) dan Presiden. PEMILU yang bakal dilaksanakan tahun depan adalah PEMILU keempat selepas era kejatuhan Presiden Soeharto pada Mei 1998.

Sejak PEMILU 2004, Presiden dan Wakil Presiden dipilih secara langsung dalam proses pemilihan yang berasingan. Setiap Presiden dan Wakil Presiden hanya boleh memegang tampuk pemerintahan selama dua penggal saja atau 10 tahun.

Pemilihan Presiden 2014 juga cukup menarik dan ditunggu-tunggu kerana Presiden Susilo Bambang Yudhoyono (SBY) tidak boleh lagi bertanding kerana sudah cukup dua penggal memegang tampuk pemerintahan. Ini bermakna, Indonesia bakal menerima seorang presiden baru tahun depan.

Beri kelebihan kepada semua parti

Satu kelainan PEMILU di Indonesia berbanding Pilihan Raya Umum (PRU) di Malaysia adalah tarikh membuang undi ditetapkan. PEMILU bagi Legislatif ditentukan pada 9 April 2014, manakala PEMILU bagi Presiden dan Wakil Presiden pada 9 Julai 2014. Ini adalah hal yang menarik kerana ia memberi kelebihan kepada semua parti politik yang bertanding untuk lebih bersedia dan mengatur strategi dengan sebaik mungkin. Lebih penting, spekulasi bilakah pilihan raya akan diadakan bukan satu isu di Indonesia.

PEMILU 2014 bakal menyaksikan persaingan antara 12 parti politik. Parti berkenaan adalah Partai Demokrat, Partai Demokratik Indonesia Perjuangan (PDIP), Partai Keadilan Sejahtera (PKS), Partai Golongan Karya (GOLKAR), Partai Amanat Nasional (PAN), Partai Kebangkitan Bangsa (PKB), Partai Persatuan Pembangunan (PPP), Partai Bulan Bintang (PBB), Partai Hati Nurani Rakyat (HANURA), Partai Gerakan Indonesia Raya (GERINDRA), Partai Keadilan dan Persatuan Indonesia dan Partai Nasional Demokrat (NASDEM).

Mengikut data yang dikeluarkan oleh Komisi Pemilihan Umum (KPU) pada 4 November lalu, seramai 186,612,255 orang layak mengundi. Di Indonesia, had umur untuk mengundi adalah 17 tahun. Bagaimanapun, menjelang PEMILU, isu yang paling mendesak adalah Daftar Pemilih Tetap (DPT) yang didakwa tidak tepat dan bermasalah. Terdapat kes daftar pemilih yang didakwa berganda dan tidak mempunyai Nombor Induk Kependudukan (NIK).

Keraguan terhadap daftar pemilih oleh KPU ini menjadi antara punca kenapa terdapat sebilangan pengundi tidak turun mengundi atau memboikot pilihan raya. Mereka yang dilabel sebagai Golongan Putih (GOLPUT) ini tidak memilih mana-mana parti politik sebagai protes kepada ketidaktelusan daftar pemilih PE-



Jokowi (tengah) menjadi pilihan sebahagian besar rakyat Indonesia setakat ini.

MILU yang disediakan oleh KPU.

PEMILU 2014 menyaksikan seramai 53 juta pengundi muda berusia antara 17 hingga 29 tahun akan melaksanakan tanggungjawab mereka. Daripada jumlah itu, 30 juta adalah pemilih pemula atau pemilih kali pertama. Golongan ini dikatakan akan banyak menentukan keputusan PEMILU akan datang. Sehubungan itu, gerakan pendidikan pemilih muda yang bersifat nonpartisan dan bebas termasuk yang dijalankan oleh pihak universiti sudah dilakukan bagi memberi pengetahuan dan kefahaman mengenai perjalanan pilihan raya termasuk latar belakang parti politik yang bertanding.



MOHD IZANI
MOHD ZAIN

Landskap politik baru

Seperti di kebanyakan negara termasuk Malaysia, landskap politik baru sememangnya dirasai khususnya apabila merujuk kepada cita rasa dan pandangan politik generasi muda yang lebih terbuka, kritis dan tidak terbatasi dengan kerangka pemahaman lama. Selain itu, kos hidup yang semakin tinggi dan tuntutan ekonomi yang semakin mendesak mempengaruhi keputusan mereka memilih parti politik yang benar-benar dapat menawarkan program pembaharuan ekonomi yang dapat memelihara kepentingan mereka.

Selain PEMILU bagi menentukan perwakilan di peringkat Parlimen, pemilihan langsung presiden dan wakil presiden juga kini menjadi perhatian. Cakap-cakap mengenai siapa calon yang dipilih mewakili parti politik dalam pemilihan presiden sudah mula kedengaran. Sehingga kini, terdapat parti politik yang sudah mengumumkan calon mereka dan ada juga yang menunggu terlebih dulu keputusan PEMILU di peringkat Parlimen.

Calon sesuai jadi presiden

Siapakah calon pilihan bagi jawatan Presiden? Hasil beberapa tinjauan, nama Gabenor Jakarta, Joko 'Jokowi' Widodo menjadi pilihan sebahagian besar rakyat

Indonesia setakat ini. Pemimpin lulusan Universitas Gadjah Mada (UGM) ini mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan disukai ramai. Bagaimanapun, ada segelintir pihak masih meragui kemampuan Jokowi memimpin Indonesia kerana beranggapan beliau belum lagi bersedia. Ini kerana pengalamannya mentadbir Jakarta tidak boleh disamakan dengan mentadbir negara yang sebesar Indonesia.

Meskipun Jokowi masih tidak berterus terang untuk menyatakan kesediaan bertanding bagi jawatan presiden, beliau kelihatannya bersedia memegang jawatan nombor satu negara itu. Beliau berpendapat mentadbir Jakarta adalah seperti mentadbir Indonesia kerana isu yang ditanganinya adalah sama. Apa yang penting bagi beliau ialah bagaimana menyusun strategi bagi mengatasi isu dan cabaran yang berlaku.

Bagaimanapun, Jokowi pula perlu menunggu restu daripada Presiden PDIP, Megawati Soekarnoputri untuk bertanding jawatan presiden atas tiket parti itu. Jokowi harus banyak bersabar lebih-lebih lagi sejak akhir-akhir ini, timbul spekulasi bahawa Megawati masih lagi menyimpan minat untuk bertanding jawatan presiden.

Dalam konteks politik di Indonesia, faktor elit politik amat penting. Bagi PEMILU akan datang, PDIP dikatakan mempunyai peluang yang cerah kerana faktor ketokohan Jokowi. Partai Demokrat pimpinan SBY pula dikatakan semakin suram kerana SBY akan mengakhiri tempoh perkhidmatannya sebagai presiden tahun depan.

Satu hal yang boleh kita pelajari daripada perjalanan PEMILU di Indonesia adalah penetapan tarikh pilihan raya. Mungkin sudah tiba masanya tarikh PRU diumumkan lebih awal agar spekulasi pilihan raya tidak terlalu ketara dan semua parti politik di Malaysia lebih bersedia.



Penulis

ialah Profesor Madya di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)